

02/11/2002

Produk sawit di BioMalaysia 2002

Dr Siti Nor Akmar Abdullah

PRODUK dan teknologi sawit mendapat perhatian pengunjung di Pameran BioMalaysia 2002. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang turut menyertainya mengetengahkan teknologi dan produk berasaskan bioteknologi daripada penyelidikan tisu kultur, biak baka, kejuruteraan genetik, genomik dan perlindungan tumbuhan. BioMalaysia 2002 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Alam sekitar berlangsung selama 4 hari (1-4 Oktober) di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Acara bioteknologi yang julung kali di adakan di Malaysia ini dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meliputi Simposium Bioteknologi, Pameran dan program Perkongsian Bio.

Hampir 10,000 peserta dari 35 negara menyertainya di mana sejumlah 1,934 daripadanya adalah peserta simposium. Pelbagai topik menarik dan teknologi terkini disampaikan dalam simposium yang disertai oleh saintis tempatan dan luar negara yang unggul dalam bidang masing-masing seperti bioinformatik, teknologi pelantaran, teknologi lepas tuai dan bioteknologi perubatan.

MPOB yang turut diwakili dalam pembentangan kertas kerja dalam simposium itu menyatakan ia mempunyai sistem untuk membangunkan teknologi dan produk yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Pengarah Penyelidikan Biologi, Dr Mohd Basri Wahid, ketika berucap di Seminar Perkongsiaan Bio itu, memberitahu bahawa seminar pemindahan teknologi diadakan setiap tahun sebagai laluan untuk memperkenalkan produk dan teknologi baru kepada pihak industri sawit.

Sehingga kini, 174 teknologi ditawarkan untuk dipindahkan, seperti anak benih dengan ciri-ciri menarik, pelesenan jujukan promoter khusus mesokarpa untuk kejuruteraan genetik dan beberapa teknik untuk meningkatkan kecekapan proses kultur tisu.

Di seminar itu juga, teknologi flavanoid daripada hasil bahan buangan kilang sawit yang mesra alam mendapat tumpuan. Mohd. Basri juga menyatakan setakat ini 30 peratus teknologi yang ditawarkan diguna pakai oleh industri sawit atau diusahakan untuk pengkomersialan. Unit Pelaksanaan Korporat dan Perundingan MPOB berfungsi dalam pengendalian proses permohonan paten untuk perlindungan intelek dan proses memeterai perjanjian usaha sama dengan syarikat-syarikat tertentu untuk pengkomersialan.

Rancangan usaha sama di antara Malaysia dan Massachusetts Institute of Technology (MIT) dijadikan model perikatan strategik dalam penyelidikan Bioteknologi. Dr Cheah Suan Choo, Ketua Pusat Kemajuan Bioteknologi dan Biakbaka MPOB dijemput untuk memberi ceramah dan berkongsi pengalaman bagi menjayakan program usaha sama peringkat antarabangsa ini.

MPOB dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pula bertindak sebagai institusi penyelaras. Bagi komoditi sawit, usaha sama ini adalah berkaitan dengan aspek untuk meningkatkan kecekapan kultur tisu dan program aplikasi kejuruteraan metabolik.

Melalui program itu seramai 22 saintis Malaysia daripada pelbagai institusi penyelidikan dan universiti tempatan berpeluang mengikuti latihan di MIT, iaitu sebuah institusi yang berprestij dan terkenal dengan penghasilan beberapa pemenang anugerah nobel dalam bidang sains.